

21/08/1999

Rombongan PM tiba di Ulan Ude

Hafifi Hafidz in Ulan Ude

ULAN UDE, Jumaat - Selepas melawat Khabarovsk dan China, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini, hari ini untuk meneruskan lawatan kerja tiga hari ke Buryatia, sebuah republik dalam Persekutuan Russia.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah yang tiba pada jam 1.15 tengah hari waktu Malaysia juga akan melawat Irkutsk, sebuah lagi wilayah Russia, esok.

Ketibaan Dr Mahathir dan rombongan dengan pesawat khas Malaysia dari China, disambut oleh Presiden Republik Buryatia, Leonid V Potapov dan isteri, Potapov. Potapov melawat Malaysia bulan lalu. Turut menyambut Dr Mahathir ialah Duta Malaysia ke Moscow, Datuk Yahya Baba dan isteri.

Buryatia yang terletak di selatan-tengah Asia, mempunyai keluasan 351,300 kilometer persegi. Dengan penduduk seramai satu juta, Buryatia bersempadan dengan wilayah China di sebelah timur dan Mongolia di Selatan.

Terdahulu rombongan Malaysia yang disertai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha tiba dengan pesawat khas berasingan. Kedua-dua menteri itu turut berada di Khabarovsk dan China mengiringi Perdana Menteri.

Pada majlis ringkas tetapi secara tradisional, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah diperkenalkan Potapov kepada pemimpin kanan republik itu. Perdana Menteri dan isteri kemudian menjamah roti dan garam, serta minum susu - cara penduduk Buryatia mengalu-alukan kedatangan tetamu kehormat mereka. Dr Mahathir dan isteri juga dipersembahkan dengan selendang berwarna-warni.

Pada petang ini, Perdana Menteri, Syed Hamid, Abang Abu Bakar dan beberapa ahli perniagaan Malaysia mengadakan mesyuarat dengan Potapov. Antara mereka yang turut serta pada mesyuarat itu ialah Presiden Airod Malaysia Berhad, Tan Sri Ahmad Johan, Pengarah Eksekutif Malaysia Mining Corporation (MMC), Ab Shukor Shahr dan Pengarah Urusan Kumpulan Rimbunan Hijau, Tan Sri Tiong Hiew King.

Lewat petang ini, selepas mesyuarat itu, Syed Hamid berkata lawatan Dr Mahathir ke Republik Buryatia, adalah untuk menerokai pelbagai kegiatan yang boleh disertai Malaysia.

Bercakap kepada wartawan Malaysia selepas mesyuarat dengan Potapov, Syed Hamid berkata perbincangan lebih setengah jam itu menyentuh mengenai bidang yang boleh disertai Malaysia, antaranya industri penerbangan, perlombongan dan pembalakan.

"Mesyuarat itu juga untuk menjalin kefahaman supaya kedua-dua negara dapat membuat keputusan sebelum menyertai kegiatan yang menghasilkan manfaat bersama," katanya.

Syed Hamid berkata Perdana Menteri memberitahu Presiden Buryatia bahawa, Malaysia mahu mengetahui lebih jelas mengenai syarat, undang-undang dan dasar pelaburan negara Persekutuan Rusia itu.

Malam ini, rombongan Perdana Menteri yang menginap di Rumah Tetamu Sosnovy Bov di sini diraikan dalam majlis makan dan pertunjukan kebudayaan, oleh Potapov.

Esok, Perdana Menteri akan melawat pusat pengeluaran pesawat di sini. Beliau kemudian akan menaiki pesawat ke Irkutsk untuk melihat sebuah lagi kilang pengeluaran pelbagai jenis kapal terbang.

Dr Siti Hasmah yang mempunyai atur cara berasingan esok, akan melawat wad kanak-kanak Hospital Besar Ulan Ude. Beliau akan menyampaikan sumbangan AS\$3,000 (RM11,400) kepada hospital itu.

Isteri Perdana Menteri juga akan melawat Muzium Alam Semulajadi, Muzium Sejarah dan Pusat Perubatan Tradisional serta sebuah kilang menenun kain di sini.

Pada malam, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah akan menghadiri majlis makan malam diberikan secara peribadi oleh Potapov dan isteri.

Ahad, rombongan Perdana Menteri dan isteri akan menaiki helikopter ke Tasik Baikal - 'laut keramat' bagi penduduk negara ini. Tasik tertua, dianggarkan wujud 20 juta tahun lalu, adalah hampir 2/3 sama besarnya dengan keluasan Semenanjung Malaysia.

Dengan 340 sungai mengalir ke situ, Tasik Baikal didiami oleh lebih 2,500 pelbagai hidupan air tawar. Ia juga boleh menampung kira-kira 20 peratus daripada jumlah air bersih dunia.

Di Tasik Baikal, Perdana Menteri dan rombongan diiringi Potapov dan isteri akan melawat pusat riadah terkemuka, Rovensnik. Rombongan itu kemudian akan berada di perkampungan UST-Banguzin dan melawat sekitarnya dengan menaiki bot.

Selepas mengadakan sidang akhbar pada petangnya, Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah akan pulang ke Kuala Lumpur.

(END)